

Saham SunCon naik semasa sesi awal dagangan

KUALA LUMPUR 29 Mac - Saham Sunway Construction Group Bhd. (SunCon) naik semasa sesi awal dagangan hari ini setelah anak syarikatnya, Sunway Construction Sdn. Bhd., mendapat kontrak bernilai RM1.21 bilion daripada

Mass Rapid Transit Corp Sdn. Bhd. (MRT Corp).

Kontrak berkenaan bagi pembinaan Laluan MRT Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya melibatkan pembinaan dan menyiapkan jejambat dan kerja-kerja berkaitan bagi jajaran sepanjang 4.9 kilometer Laluan SSP dari Sungai Buloh ke Persiaran Dagang.

Setakat pukul 10.45 pagi, saham SunCon naik satu sen kepada RM1.68, dengan 3.19 juta saham bertukar tangan.

Hong Leong Investment Bank (HLIB) berkata, SunCon berjaya memperoleh kontrak baharu bernilai RM1.4 bilion setakat ini termasuk RM1.2 bilion daripada projek MRT2.

Bank pelaburan itu menganggarkan kontrak dalam tangan SunCon kini pada RM5 bilion, menjadikan nisbah yang baik sebanyak 2.6 kali perolehan tahun kewangan syarikat 2015.

Bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2015, SunCon mencatatkan keuntungan sebe-

lum cukai sebanyak RM140.75 juta berdasarkan perolehan berjumlah RM1.92 bilion.

"Kami menaikkan sasaran kontrak baharu yang diperoleh bagi tahun kewangan 2016 bagi SunCon daripada RM2 bilion kepada RM2.5 bilion memandangkan tahun ini sehingga kini agak kukuh. Peningkatan unjuran perolehan kami bagi tahun kewangan 2016-2017 sebanyak 3.0-7.0 peratus," kata HLIB.

Bank pelaburan berkenaan mengekalkan saranan 'beli' terhadap SunCon, dengan harga sasaran dinaikkan kepada RM1.94 sesaham.

-BERNAMA